

## Kempen "SIMPAN & MENANG KAW-KAW"

Terma-terma dan syarat-syarat seperti berikut adalah tertakluk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) ("BMMB"), Kempen "Simpan & Menang Kaw-Kaw".

### TEMPOH KEMPEN

1. Kempen "Simpan & Menang Kaw-Kaw" ("Kempen") akan bermula dari 7hb Ogos 2019 sehingga 30hb April 2020 ("Tempoh Kempen").

### KELAYAKAN

#### 2. Akaun Kempen yang Mengambil Bahagian

- Akaun-akaun yang dikhususkan untuk kempen ini terdiri daripada Akaun Simpanan (ASI) & Akaun Semasa (ASE) berdasarkan prinsip Syariah *Tawarruq* seperti di bawah ("Akaun Kempen"):

	<b>Akaun Kempen</b>	<b>Kategori Akaun</b>
a.	Akaun Simpanan Simpan & Menang Kaw-Kaw ["ASI S&MK"]	Akaun Simpanan Kempen (ASIK)
b.	Akaun Simpanan <b>MuSS</b> Simpan & Menang Kaw-Kaw ["ASI MuSS S&MK"]*	
c.	Akaun Semasa (Individu) Simpan & Menang Kaw-Kaw ["ASE_I S&MK"]	Akaun Semasa Kempen (ASEK)
d.	Akaun Semasa (Individu) <b>MuSS</b> Simpan & Menang Kaw-Kaw ["ASE_I MuSS S&MK"]*	
e.	Akaun Semasa (Bukan Individu) Simpan & Menang Kaw-Kaw ["ASE_BI S&MK"]	

*\*Nota: Akaun Kempen yang mengambil bahagian di bawah Skim Gaji Muamalat ["Muamalat Salary Scheme" (**MuSS**)] adalah akaun untuk pengkreditan gaji peserta kempen SAHAJA*

- Kadar keuntungan yang ditawarkan untuk Akaun Kempen ini adalah 0.05% (setahun) sepanjang tempoh Kempen. Selepas tamat Kempen, kadar keuntungan sedia ada diguna pakai.
- Selepas tamat tempoh Kempen, semua Akaun Kempen ini akan ditukar secara automatik dalam sistem ke Akaun Generik masing-masing yang telah ditentukan seperti yang tertera di bawah:

	<b>Akaun Kempen</b>	<b>Akaun Generik</b>
a.	ASI S&MK	Akaun Simpanan-i Tawarruq One Reach
b.	ASI MuSS S&MK	Akaun Simpanan-i Tawarruq MuSS
c.	ASE_I S&MK	Akaun Semasa-i Tawarruq One Reach (Individu)
d.	ASE_I MuSS S&MK	Akaun Semasa-i Tawarruq MuSS (Individu)
e.	ASE_BI S&MK	Akaun Semasa-i Tawarruq One Reach (Bukan Individu)

### 3. Penyertaan Kempen

- Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan **baharu** dan **sedia ada** BMMB di bawah kategori berikut:-
  - i) **Individu** berusia 18 dan ke atas yang bermastautin di Malaysia (termasuk bukan pemastautin) ;
  - ii) **Bukan Individu** termasuk Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan/ Sekolah/ Pemilik Tunggal/ Perkongsian
- Pelanggan tersebut di atas perlu memenuhi "**Kriteria Penyertaan**" berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah untuk menjadi "**Peserta yang layak**" untuk Kempen ini:

No.	Jenis Pelanggan	Kriteria Penyertaan
<b>A) <u>INDIVIDU</u></b>		
i.	Individu <b>baharu</b>	Perlu membuka <b>akaun baharu</b> dari mana-mana akaun Kempen berikut: ASI S & MK / ASE_I S & MK / ASI MuSS S & MK* / ASE_I MuSS S & MK*
ii.	Individu dengan <b>ASI sedia ada</b>	Pilihan: i) untuk membuka <b>akaun baharu</b> dari mana-mana akaun Kempen berikut: ASI S & MK / ASE_I S & MK / ASI MuSS S & MK* / ASE_I MuSS S & MK* <b>atau</b> ii) untuk memohon <i>pertukaran produk</i> dari ASI yang sedia ada kepada ASI S & MK
iii.	Individu dengan <b>ASE sedia ada</b>	Pilihan: i) untuk membuka <b>akaun baharu</b> dari mana-mana akaun Kempen berikut: ASI S & MK / ASE_I S & MK / ASI MuSS S & MK* / ASE_I MuSS S & MK* <b>atau</b> ii) untuk memohon <i>pertukaran produk</i> dari ASE sedia ada kepada ASE_I S & MK
iv.	Individu dengan <b>ASI MuSS sedia ada</b>	Pilihan: i) untuk membuka <b>akaun baharu</b> dari mana-mana 2 akaun Kempen berikut: ASI S & MK / ASE_I S & MK <b>atau</b> ii) untuk memohon <i>pertukaran produk</i> dari ASI MuSS sedia ada kepada ASI MuSS S & MK*
v.	Individu dengan <b>ASE MuSS sedia ada</b>	Pilihan: i) untuk membuka <b>akaun baharu</b> dari mana-mana 2 akaun Kempen berikut: ASI S & MK / ASE_I S & MK <b>atau</b> ii) untuk memohon <i>pertukaran produk</i> dari ASE MuSS sedia ada kepada ASE_I MuSS S & MK*

No.	Jenis Pelanggan	Kriteria Penyertaan
<b><i>B) BUKAN INDIVIDU</i></b>		
vi.	Bukan Individu <b>baharu</b>	Perlu membuka <b>akaun baharu</b> ASE_BI S & MK
vii.	Bukan Individu dengan ASE <b>sedia ada</b>	Pilihan: i) untuk membuka <b>akaun baharu</b> ASE_BI S & MK <b>atau</b> ii) untuk memohon <i>pertukaran produk</i> dari ASE (Bukan Individu) sedia ada kepada ASE_BI S & MK

*\*Nota: Akaun Kempen yang mengambil bahagian di bawah Skim Gaji Muamalat [("Muamalat Salary Scheme" (MuSS)] adalah akaun untuk pengkreditan gaji peserta kempen SAHAJA (sama ada dari permohonan **baharu** untuk akaun gaji atau **pertukaran produk** dari ASI/ASE MuSS sedia ada seperti yang diminta oleh pelanggan berkenaan dalam tempoh kempen)*

#### 4. Permohonan untuk 'pertukaran produk'

- Pelanggan sedia ada mempunyai dua (2) pilihan untuk memberi kebenaran bagi pertukaran produk secara sementara dari akaun yang sedia ada kepada akaun Kempen yang berkaitan:
  - i) dengan mengisi **Borang Permintaan Perkhidmatan (BPP)** yang dikhususkan untuk Kempen "Simpan & Menang Kaw-Kaw" di Cawangan; atau
  - ii) dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BMMB (PKPB) untuk pengesahan lisan. Apabila arahan pelanggan diterima melalui PKPB, pihak Cawangan akan melaksanakan proses pertukaran produk dalam tempoh 3 hari bekerja. Cawangan akan memaklumkan pelanggan melalui panggilan telefon dan juga mengeluarkan Surat Pemberitahuan kepada pelanggan untuk mengesahkan bahawa pertukaran produk telah berjaya.
- Dengan membuat mana-mana pilihan yang tersebut di atas, pelanggan telah mengakui untuk membenarkan pertukaran produk dan telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat Kempen akaun peserta dan akaun sedia ada.

#### 5. Individu dan/atau organisasi berikut adalah tidak layak untuk menyertai kempen ini:-

- Pemegang akaun korporat dan komersial;
  - Kakitangan tetap dan/atau kontrak BMMB dan Muamalat Invest Sdn Bhd (MISB);
  - Ahli keluarga terdekat (iaitu ibu bapa / suami/isteri / anak-anak / adik-beradik) kakitangan BMMB dan MISB;
  - Individu di bawah usia 18 tahun.
6. Untuk akaun bersama, peserta yang layak adalah pemegang akaun utama sahaja. Jumlah penyertaan akan ditentukan berdasarkan jumlah akaun tanpa mengira jumlah pemegang akaun bersama dalam akaun-akaun tersebut.

## HADIAH

7. Kempen ini menawarkan hadiah-hadiah berikut kepada peserta di mana pemilihan pemenang dijalankan melalui cabutan bertuah dalam kategori-kategori yang ditunjukkan di bawah:-

Kategori cabutan	Hadiah	Bilangan pemenang Kempen
UTAMA**	1 x RM1 juta	1 pemenang
Suku tahunan	3 x Proton X70	3 pemenang
Bulanan	9 x baucer Umrah/Percutian bernilai RM10,000 (setiap baucer)	9 pemenang
Peringkat Wilayah	450 x RM1, 500	450 pemenang* *Nota: Jumlah 50 pemenang setiap bulan
<b>Jumlah =</b>		<b>463 pemenang</b>

**\*\*Nota:** Untuk Hadiah UTAMA, **RM1 juta** hendaklah dikreditkan ke dalam akaun Simpanan/ Semasa pemenang cabutan UTAMA dengan BMMB dan perlu dikekalkan dengan memperuntukkan ("earmarking") dalam akaun tersebut selama **1 bulan** dari tarikh wang RM1 juta itu dikreditkan ke dalam akaun pemenang

## KRITERIA KELAYAKAN BAGI CABUTAN HADIAH

8. Kriteria-kriteria untuk menyertai kempen dan kelayakan untuk cabutan hadiah adalah seperti berikut:

### 8.1 Akaun Kempen & Mata Terkumpul

- Pelanggan mestilah menjadi pemegang mana-mana akaun Kempen iaitu samada Akaun Simpanan Kempen atau Akaun Semasa Kempen (seperti yang tertera di bawah perkara 2) sepanjang tempoh kempen.  
**Pelanggan sedia ada** mempunyai pilihan untuk membuka akaun Kempen yang baharu atau memberi kebenaran untuk pertukaran produk dari akaun Simpanan/Semasa sedia ada BMMB kepada akaun Kempen yang berkaitan untuk menyertai Kempen sementara **pelanggan baharu** Bank pula perlu membuka akaun kempen yang baharu (seperti yang tertera di bawah perkara 3)  
**Deposit permulaan** untuk pembukaan akaun baharu yang terlibat adalah seperti berikut:-
  - Akaun Simpanan Kempen (ASIK) : RM100
  - Akaun Semasa Kempen (ASEK) : RM500
- Pelanggan perlu mengekalkan **baki minimum deposit** dalam akaun Kempen sepanjang tempoh kempen seperti berikut:-
  - Akaun Simpanan Kempen (ASIK) : RM100
  - Akaun Semasa Kempen (ASEK) : RM500

- Mata Terkumpul ("MT") adalah berdasarkan Purata Baki Harian (PBH) di mana bagi setiap **RM100 PBH**, peserta yang layak akan mendapat 1 MT (pengiraan berasaskan jumlah yang dibundarkan ke bawah)

Formula untuk mengira PBH adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah terkumpul baki harian terakhir dalam setiap bulan tertentu}}{\text{Jumlah hari dalam bulan tertentu}}$$

- Jumlah bilangan MT bagi akaun Kempen di bawah MuSS adalah **dua kali** kelayakan MT bagi akaun Kempen yang bukan di bawah MuSS seperti yang tertera di bawah:

Akaun Kempen	Kelayakan MT bagi setiap RM100 PBH
ASI S & MK	1
ASI <b>MuSS</b> S & MK	2
ASE_I S & MK	1
ASE_I <b>MuSS</b> S & MK	2
ASE_BI S & MK	1

- Contoh jumlah bilangan MT selama 3 bulan berdasarkan PBH adalah seperti ilustrasi yang berikut:-

Contoh 1

Pelanggan membuka Akaun Semasa Kempen (iaitu ASE\_I S & MK ) pada **17 September 2019**

Bulan	September 2019	Oktober 2019	November 2019
Jumlah terkumpul baki harian bulanan (RM)	133,000	35,800	96,570
Bilangan hari	14 * * (17 - 30 Sept 2019)	31	30
PBH bulanan (RM)	= 133,000 / 14 = <u>9,500</u>	= 35,800 / 31 = <u>1,154.84</u>	= 96,570 / 30 = <u>3,219</u>
Bilangan MT berhak untuk cabutan	= 9,500/100 MT = <b>95</b>	= 1,154.84 /100 = 11.5 MT = <b>11</b> (jumlah dibundarkan ke bawah)	= 3,219 /100 = 32.19 MT = <b>32</b> (jumlah dibundarkan ke bawah)

### Contoh 2

Pelanggan membuka Akaun Simpanan Kempen di bawah **MuSS** (iaitu ASI MuSS S & MK ) pada **06 Januari 2020**

Bulan	Januari 2020	Februari 2020	Mac 2020
Jumlah terkumpul baki harian bulanan (RM)	4,100	6,830	15,799
Bilangan hari	26 * * (06 - 31 Jan 2020)	29	31
PBH bulanan (RM)	= 4100 / 26 = <u>157.69</u>	= 6,830 / 29 = <u>235.51</u>	= 15,799 / 31 = <u>509.64</u>
Bilangan MT berhak untuk cabutan	= 157.69 / 100 = <b>1.577</b> jumlah dibundarkan ke bawah => <b>1</b> MT = 1 x 2 = <u>2</u>	= 235.51 / 100 = <b>2.355</b> jumlah dibundarkan ke bawah => <b>2</b> MT = 2 x 2 = <u>4</u>	= 509.64 / 100 = <b>5.096</b> jumlah dibundarkan ke bawah => <b>5</b> MT = 5 x 2 = <u>10</u>

### 8.2 Peruntukkan untuk deposit minima

- Deposit minima berjumlah RM1,000 akan diperuntukkan (“earmark”) dalam akaun Kempen selama **sembilan (9) bulan** (iaitu Tempoh Peruntukkan) bermula dari tarikh peletakan deposit.

Contoh untuk Tempoh Peruntukkan adalah seperti yang tertera di bawah:

	Tarikh Peletakan Deposit Min. RM1,000	Tempoh Peruntukkan
1	01/09/2019	01/09/2019 untuk 31/05/2020
2	25/01/2020	25/01/2020 untuk 24/10/2020
3	30/11/2019	30/11/2019 untuk 29/08/2020

- Peruntukkan RM1,000 akan melayakkan peserta untuk cabutan Utama, Suku Tahunan dan Bulanan sepanjang masa dalam tempoh Kempen. Jika tiada peruntukkan dibuat dalam akaun Kempen, peserta hanya layak untuk cabutan Peringkat Wilayah.
- Peserta dibenarkan memohon untuk meletakkan jumlah peruntukkan melebihi daripada RM1,000
- Sekiranya jumlah RM1,000 yang diperuntukkan dalam Akaun Kempen dibatalkan, dikeluarkan atau dilepaskan (sebahagian ataupun penuh) dalam Tempoh Peruntukkan, atas apa jua sebab, akan membatalkan kelayakan peserta untuk cabutan hadiah.

Pelaksanaan peruntukkan ("earmarking")

- Untuk tujuan pelaksanaan peruntukkan, peserta yang layak mempunyai pilihan yang berikut:-
  - i) memberi kebenaran tidak boleh batal dengan mengisi "**Borang Permintaan Perkhidmatan (BPP)**" yang dikhususkan untuk Kempen Simpan & Menang Kaw-Kaw di cawangan di mana peletakan deposit sebanyak RM1,000 dibuat dalam akaun Kempen peserta; atau
  - ii) menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BMMB (PKPB) untuk **pelaksanaan lisan** bagi memberi kebenaran untuk jumlah Peruntukkan yang diperlukan melalui telefon.

Setelah arahan diterima dari pelanggan melalui PKPB, cawangan hendaklah menjalankan proses Peruntukkan tersebut dalam tempoh 3 hari bekerja. Cawangan akan menghubungi pelanggan melalui telefon dan kemudian mengeluarkan Surat Pemberitahuan untuk memaklumkan pelanggan sama ada peruntukkan adalah berjaya atau tidak berjaya.

Bagi permohonan peruntukkan melalui pelaksanaan lisan yang tidak berjaya, pelanggan perlu menghubungi Bank melalui telefon untuk ulangi semula proses peruntukkan tersebut. Pelanggan juga boleh berkunjung ke cawangan yang berhampiran untuk proses pelaksanaan peruntukkan.

**Ringkasan Kriteria Kelayakan untuk Cabutan Hadiah:**

Kategori Cabutan	Kriteria Kelayakan		
	Akaun Kempen	Baki harian minima perlu dikekalkan dalam akaun	Peruntukkan ("earmarking")
UTAMA	Pemegang akaun mana-mana akaun Kempen	RM100: untuk Akaun Simpanan Kempen RM500: untuk Akaun Semasa Kempen	Deposit minima <b>RM1,000</b> selama <b>9 bulan</b> dari tarikh peletakan deposit
Suku Tahunan			
Bulanan			
Peringkat Wilayah			Peruntukkan tidak perlu untuk kelayakan bagi cabutan Peringkat Wilayah

8.3 Dana Baharu

- Semua perletakan deposit ke dalam akaun Kempen peserta mestilah dibuat menggunakan **dana baharu**.
- Dana baharu merujuk kepada wang atau dana yang bukan berasal dari mana-mana akaun deposit BMMB sedia ada.
- Deposit, sama ada secara tunai atau cek boleh dilakukan melalui Kaunter, Mesin Deposit Tunai, transaksi Terminal Deposit Cek, Giro antara Bank, Pindahan dana antara Bank ataupun mana-mana cara deposit yang dibenarkan oleh pihak BMMB.
- Deposit melalui cek adalah tertakluk kepada pengesahan oleh pihak Bank dan hanya akan diambil kira apabila cek telah dikreditkan ke dalam akaun Kempen peserta.

---

## CABUTAN UNTUK PEMILIHAN PEMENANG

9. Berdasarkan kriteria kelayakan, peserta yang layak berpeluang menyertai Cabutan BMMB adalah seperti berikut:

9.1 Cabutan Bulanan/ Suku Tahunan/ Peringkat Wilayah

- Calon yang layak akan disenarai pendek secara rawak melalui sistem.
- Sekiranya tiada pemenang yang layak di dalam Cabutan Bulanan/ Suku Tahunan/ Peringkat Wilayah tertentu, hadiah yang diperuntukkan untuk bulan tersebut akan dibatalkan.
- Sebarang penutupan Akaun Simpanan/Semasa Kempen peserta akan membatalkan kelayakan untuk Cabutan Bulanan/ Suku Tahunan/ Peringkat Wilayah.

9.2 Cabutan Utama

- Calon akan disenarai pendek secara rawak melalui sistem pada bulan **Mei 2020**.
- Pemenang hadiah Cabutan Bulanan Suku Tahunan/ Peringkat Wilayah layak untuk dipilih sebagai calon pemenang di dalam Cabutan Utama.
- Sebarang penutupan Akaun Simpanan/Semasa Kempen peserta akan membatalkan kelayakan untuk Cabutan Utama kempen.

9.3 Pemenang akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang dan keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

10. Notis Pemberitahuan Pemenang

10.1 Pemenang akan diberitahu melalui surat rasmi dan/atau panggilan telefon/perkhidmatan pesanan ringkas (SMS). Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang BMMB [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my), Facebook, Instagram dan/atau surat khabar yang terpilih.

10.2 Sekiranya BMMB tidak dapat menghubungi pemenang-pemenang dalam masa 30 hari kalendar dengan sedaya upaya menggunakan saluran biasa komunikasi (iaitu panggilan telefon, SMS, surat) berdasarkan rekod yg sedia ada di BMMB, BMMB berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti.

10.3 Satu tarikh akan ditentukan oleh BMMB untuk majlis penyampaian hadiah (jika ada) dan semua pemenang perlu patuh pada yang berikut:-

- Wajib untuk semua pemenang hadir semasa majlis penyampaian hadiah;
- Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/SMS dan/atau surat untuk butiran majlis penyampaian hadiah; dan
- Sekiranya ada pemenang yang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah atas sebab yang sah, pegawai yang menyelia Kempen akan menjadualkan tarikh baharu untuk mengambil hadiah tersebut di cawangan BMMB yang terdekat dengan pemenang



---

## PNEBUSAN HADIAH

### 11. Tuntutan Hadiah

- 11.1 Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari setelah dimaklumkan oleh BMMB. Jika gagal, hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan.
- 11.2 Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan juga perlu menandatangani borang/perisytiharan (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh BMMB.
- 11.3 Dalam kes kematian pemenang cabutan, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh benefisiari kepada simati dalam tempoh 12 bulan dari tarikh mati berserta Surat Kuasa Mentadbir dan/atau dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh BMMB. Sekiranya gagal, BMMB berhak untuk membatalkan hadiah dan memilih pemenang lain. Jika berlaku kematian pemenang yang memegang akaun bersama, konsep 'survivorship' akan diguna pakai.
- 11.4 Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik, juga tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
- 11.5 Hadiah-hadiah yang tertera adalah tertakluk kepada stok sedia ada. BMMB berhak untuk mengganti hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama tanpa memberi makluman terlebih dahulu kepada peserta/pemenang.
- 11.6 Hadiah-hadiah yang ditunjukkan dalam iklan dan lain-lain bahan pemasaran (jika ada) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan rekabentuk sebenar mungkin berbeza.

## UMUM

### 12. Pengesahan dan Kebenaran

- 12.1 BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 12.2 Semua pelanggan Kempen yang layak adalah secara peribadi bertanggungjawab untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, dan kos pemasangan, jika berkenaan berhubung dengan hadiah dan Kempen.

- 12.3 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, pemegang akaun adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini beserta terma-terma dan syarat-syarat dari agensi yang dilantik dan dengan secara tidak boleh batal sekali gus membenarkan BMMB untuk mendedahkan maklumat mengenai butir-butir pemegang akaun kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini. BMMB mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Borang Kempen (jika ada), nama dan gambar pemenang ialah milik BMMB.
- 12.4 BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh pemegang akaun yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau akibat daripada tindakan atau peninggalan dari bahagian BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan BMMB.
- 12.5 Selain daripada Terma-terma dan Syarat-syarat khusus Kempen yang dinyatakan di sini, segala terma dan syarat lain yang termaktub dalam Terma dan Syarat Akaun Simpanan-i di bawah konsep Tawarruq adalah terpakai.
- 12.6 Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan di antara terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, terma dan syarat di dalam versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.
- 12.7 Jika pemenang diketahui tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, BMMB berhak untuk membatalkan penyertaan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah tersebut kepada pemenang lain yang ditentukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh BMMB.
- 12.8 BMMB mempunyai hak sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah, menambah, menukar, meminda, mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari melalui siaran di laman web BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB. Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Kempen dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan bersetuju dengan apa-apa perubahan atau variasi kepada terma dan syarat. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Kempen ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap terma dan syarat (termasuk yang berubah atau diubah).

12.9 Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.

12.10 Terma dan Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.